

# **PERLAKSANAAN LITERASI DAN NUMERASI DI SEKOLAH RENDAH**

Zahanim Ahmad  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,

## **ABSTRAK**

LINUS merupakan akronim daripada Literacy and Numeracy Screening dan bermanfaat bagi membantu murid-murid di sekolah rendah, di Tahap 1 bermula dari tahun 1 hingga 3 yang agak tercicir dalam penguasaan kemahiran asas 3M, iaitu membaca, menulis, dan mengira. Program LINUS telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 2010 dengan dimulakan kepada matapelajaran Bahasa Melayu dan Matematik dan seterusnya pada tahun 2012 di masukkan dengan matapelajaran Bahasa Inggeris dan menjadikan 3 matapelajaran yang terlibat untuk program LINUS. Artikel ini mengkaji pelaksanaan dan perjalanan LINUS di sekolah rendah serta melihat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi dan cadangan yang sewajarnya terhadap isu yang timbul sepanjang pelaksanaan program. LINUS dilihat berjaya meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi dikalangan kanak-kanak diperingkat usia yang lebih awal sejak ianya diperkenalkan. Namun disebalik kejayaan yang dikecapi, terdapat beberapa isu yang dikenalpasti seperti kekangan masa yang dihadapi, bebanan tugas yang terlalu banyak oleh guru yang terlibat secara langsung dengan LINUS, KPM tidak menyediakan guru pemulihan bagi matapelajaran Bahasa Inggeris seperti mana kesediaan guru pemulihan matapelajaran Matematik dan Bahasa Melayu, serta modul yang disediakan untuk matapelajaran Bahasa Inggeris adalah kurang lengkap dimana KPM hanya menekankan 2 kemahiran didalam Bahasa Inggeris iaitu kemahiran membaca dan menulis sedangkan untuk mahir dalam Bahasa Inggeris, kemahiran bertutur dan mendengar juga tidak kurang pentingnya dan keempat-empat kemahiran iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur adalah sama pentingnya. Isu guru LINUS tidak mempunyai kepakaran dalam bidang psikolinguistik juga telah dikenal pasti.

Kata Kunci: LINUS, Literasi, Numerasi, Isu,

## **PENGENALAN**

Sistem pendidikan di Malaysia kini bergerak begitu pantas seiring kepesatan negara di era millenium ini. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempunyai rancangan tersendiri dan melaksanakan berbagai perubahan yang mantap ke arah merealisasikan hasrat negara maju menjelang wawasan 2020. Perubahan dalam arena pendidikan negara mula menampakkan hasil daripada pelbagai dasar, akta, laporan, ataupun penyata seperti Dasar Pendidikan Negara, Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Bahasa Kebangsaan 1967, dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

## **LATAR BELAKANG LINUS**

Kemahiran literasi awal adalah penting bagi kanak-kanak kerana kemahiran ini boleh membantu meningkatkan prestasi pembelajaran kanak-kanak pada masa yang akan datang. Kanak-kanak yang ketinggalan dalam menguasai kemahiran literasi awal cenderung untuk berjuang dengan bacaan dan menulis. Akibatnya, kanak-kanak cenderung untuk menerima, kurang amalan dan minat terhadap membaca dan kurang terdedah kepada pengetahuan kandungan, perbendaharaan kata dan kemahiran bahasa yang lain daripada sifat kanak-kanak yang mendapat penguasaan literasi yang lebih awal sebelum mereka didaftarkan masuk ke alam persekolahan diperingkat rendah lagi.

Di Malaysia, penguasaan kemahiran literasi awal telah menjadi tumpuan yang hangat sejak dulu lagi. sistem pendidikan Malaysia dan isu ini adalah terutamanya menjadi isu hangat dan kritikal dalam tahun 1960-an (Nazariyah & Abdul Rahman, 2013). Banyak program telah dilaksanakan bagi membantu kanak-kanak dalam penguasaan literasi pada peringkat awal namun, isu buta huruf di

kalangan anak-anak muda masih menjadi masalah sebenar. Pada tahun 2011, Menteri Pertahanan Malaysia, Abdul Latiff Ahmad, mendedahkan bahawa hampir 1,000 daripada 11,000 belia yang dipilih untuk latihan khidmat negara (PLKN) buta huruf (Modul Khas untuk Khidmat Negara Pelatih: Malaysia, 2011). Selain itu, ia adalah dilaporkan dalam akhbar The Star bahawa 3 orang pelajar telah dihalang daripada menduduki Sekolah Rendah mereka Ujian Penilaian (UPSR), disebabkan oleh prestasi akademik mereka yang.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mendapati bahawa ada murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran yang masih belum menguasai kemahiran asas 3M dengan baik belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun KPM telah melaksanakan pelbagai program pemulihan. Antaranya ialah Program KIA2M untuk murid Tahun1 yang mula dilaksanakan pada tahun 2006, Program pemulihan untuk murid Tahun 2 dan 3 yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas disekolah masing-masing, Program Pemulihan Asas Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira (PROTIM) untuk murid Tahap 2, dan PROTIM selepas UPSR. Ekoran daripada isu yang timbul, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil satu inisiatif untuk mengadakan satu program yang lebih baik dan berkesan supaya semua kanak-kanak di Malaysia mempunyai asas yang stabil dalam kemahiran awal literasi.

Sejajar dengan itu, KPM berpendapat suatu pendekatan yang bersepadu perlu dilaksanakan supaya masalah literasi dan numerasi dapat dikesan dan dipulihkan seawal Tahap1. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M merupakan kumpulan yang berisiko keciciran dan berhadapan dengan kesukaran memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran dan kerjaya. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan program yang di kenali dengan Program LINUS.

## **TAKRIFAN LINUS**

LINUS merupakan akronim daripada *Literacy and Numeracy Screening* dan bermanfaat bagi membantu murid-murid di sekolah rendah, di Tahap 1 bermula dari tahun 1 hingga 3 yang agak tercicir dalam penguasaan kemahiran asas 3M, iaitu membaca, menulis, dan mengira. Semua guru Tahun Satu yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu diwajibkan mengikuti kursus pengajaran dan pembelajaran modul LINUS mulai tahun 2010 yang dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini dilaksanakan secara wajib di semua Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Terdapat tiga peringkat saringan, iaitu Saringan 1 (Tahun Satu), Saringan 2 (Tahun Dua), dan Saringan 3 (Tahun Tiga). LINUS2.0 pula adalah lanjutan daripada program LINUS sebelumnya diperkenalkan pada tahun 2012 dengan tambahan LINUS Bahasa Inggeris ( LBI ). Instrumen saringan LINUS2.0 direka berdasarkan dua belas asas literasi dan konstruk numerasi dan item bagi setiap instrumen dibina berdasarkan kedalaman kandungan.

Literasi ditakrifkan sebagai keupayaan membaca, menulis dan memahami perkataan dan ayat yang mudah dan kompleks dan mengaplikasikan pengetahuan itu dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Manakala Numerasi pula adalah Numerasi pula ditakrifkan sebagai keupayaan membaca, menulis, mengira dan menyusun nombor sehingga 1,000, menjadi cekap dalam operasi matematik seperti menambah, menolak, mendarab dan membahagi dan dapat mengaplikasikannya dalam operasi wang, masa dan ukuran panjang

Semua murid tahun 1 pada sesi awal persekolahan adalah diwajibkan untuk menduduki ujian saringan. Hasil daripada ujian diagnostik tersebut, murid-murid dapat diklasifikasi sebagai calon untuk program intervensi LINUS atau pun tidak. Penggunaan ujian saringan ini adalah bagi mengenal pasti murid-murid yang benar-benar perlu menduduki kelas intervensi membaca dan menulis dengan berdasarkan 12 konstruk kemahiran membaca yang perlu dikuasai murid. Program LINUS ini dijalankan sepenuhnya oleh guru Bahasa Melayu tahun 1 di sesebuah sekolah. Guru yang mengendalikan program tersebut akan mengasingkan murid-murid tahun 1 yang gagal melepasi ujian saringan untuk mengikuti program intervensi ini (Modul LINUS, 2010).

Justeru, pendidikan literasi di Malaysia, terutamanya dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris kini menjadi suatu mata pelajaran terpenting di sekolah memandangkan program literasi ini telah diprogramkan secara rasmi di bawah program LINUS dan juga menjadi strategi kerajaan dalam *National Key Result Area* (NKRA). Misinya, adalah bagi membentuk kemahiran literasi yang tinggi,

yakni golongan celik huruf yang berdaya maju ke hadapan menjelang tahun 2020 (Khairuddin, 2011).

## **KONSEP LINUS**

Sasaran KPM mengharapkan pelajar yang berada di Tahun 1, mereka boleh membaca, menulis dan memahami minima 500 patah perkataan dan ayat mudah dan mengira mengikut turutan nombor sehingga 50, dari segi operasi asasnya faham fakta asas tambah dan tolak serta dari segi aplikasi boleh mengira wang hingga RM 10. Pada Tahun 2 pelajar boleh membaca, menulis dan memahami minima 800 patah perkataan dan ayat mudah menggunakan kata sendi dan mengira turutan nombor hingga 100, dari segi operasi asas boleh memahami fakta asas tambah, tolak, darab dan bahagi serta boleh mengaplikasi dalam kehidupan seharian seperti mengira wang hingga RM 50, memahami waktu dalam jam dan mengukur panjang/pendek objek dan pada Tahun 3, pelajar boleh membaca, menulis dan memahami minima 1000 patah perkataan dan ayat mudah dengan kata sendi dalam satu perenggan dan boleh mengira mengikut turutan nombor hingga 1000 dari segi operasi asasnya memahami fakta asas tambah, tolak, darab dan bahagi dan boleh mengaplikasi dalam pengurusan wang hingga RM 100, memahami waktu dalam jam dan minit serta mengukur objek dalam unit piawai. Pelajar yang memasuki tahun 1 akan disaring terlebih dahulu bagi melihat kebolehan dan penguasaan mereka terhadap literasi dan numerasi dan penempatan kelas LINUS jika perlu. Modul LINUS telah menggunakan 12 konstruk kesemuanya.

Konstruk 1 : Keupayaan membaca dan menulis huruf vokal dan konsonan.

Konstruk 2 : Keupayaan membaca dan menulis suku kata terbuka.

Konstruk 3 : Keupayaan membaca dan menulis perkataan suku kata terbuka.

Konstruk 4 : Keupayaan membaca dan menulis suku kata tertutup.

Konstruk 5 : Keupayaan membaca dan menulis perkataan suku kata tertutup.

Konstruk 6 : Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi suku kata tertutup 'ng'.

Konstruk 7 : Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi diftong

Konstruk 8 : Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi vokal berganding.

Konstruk 9 : Keupayaan menulis perkataan yang mengandungi digraf dan konsonan bergabung.

## **SOROTAN KAJIAN**

Bahasa merupakan perkara yang terpenting kerana pelajar akan sering menggunakannya samaada untuk kegunaan harian mahupun kegunaan formal. Menurut Gupta, (2013); Martin, Emfinger , Snyder dan O'Neal , (2007); Cusumano , 2006,) pelajar yang celik huruf dan mempunyai kemahiran ini akan mempunyai masa depan yang begitu cerah dan mereka dijangkakan akan dapat pencapaian yang baik didalam pelajaran. Oleh itu guru berusaha keras untuk memastikan anak-anak murid dapat menguasai kemahiran literasi dan numerasi lebih cepat dan awal supaya mereka ini tidak tergolong didalam. Kanak – kanak perlu diajar mengenal huruf abjad dan penulisan pada awal pembelajaran mereka supaya mereka dapat menguasai kemahiran ini kerana ini ada hubungkaitannya dengan literasi. Menurut Gerde , Bingham & Wasik (2012) , penulisan telah dilihat sebagai satu aktiviti yang kritikal di dalam kelas awal kanak-kanak kerana ia adalah sebahagian daripada kemahiran sastera yang menggabungkan dengan kemahiran membaca. Ia adalah selaras dengan tujuan mengadakan program LINUS2.0 yang memerlukan pelajar untuk menguasai kemahiran ini. LINUS2.0 telah diperkenalkan kerana kejayaan LINUS1.0 dalam isu buta huruf Bahasa Melayu dan Matematik ( Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Menurut Tubah & Hamid (2011 ) program LINUS adalah kesinambungan daripada program Kelas Intensif Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) yang terdiri daripada dua belas konstruk yang perlu dicapai oleh pelajar dalam kemahiran literasi. Ia juga memerlukan guru-guru untuk membimbing pelajar dalam menguasai kemahiran dan dengan itu dapat menjawab konstruk dengan menjawab sasaran dengan tepat. Bagi membolehkan pelajar mendapat kemahiran ini, guru yang terlibat perlu membimbing mereka didalam kelas dengan pelbagai inisiatif berpandukan kepada modul yang disediakan. Mereka perlu tampil dengan pelbagai pelan dan rancangan khas berpandukan kepada modul yang diberikan untuk membimbing pelajar-pelajar. ( Bahagian Pembangunan Kurikulum , 2014).

Dalam proses mencapai sasaran dan membimbing untuk kemahiran LINUS, penggunaan perkataan bergambar adalah salah satu langkah yang sering digunakan dan ianya memainkan peranan yang penting dalam mengajar pelajar untuk penguasaan LINUS. Menurut Calhoun, Poivier, Simon, & Mueller, (2001) menyatakan berdasarkan Word Inductive Model, perkataan bergambar adalah merupakan faktor utama dalam mencapai kemahiran literasi disamping bantuan oleh sifat-sifat fonetik dan struktur dimana ianya boleh meningkatkan kemahiran input dan output para pelajar.

Aspek seperti fonologi yang mengandungi sajak dan fenom segmentasi juga dapat membantu pelajar untuk mencapai kejayaan dalam kemahiran literasi. (Martin, Emfinger, Snyder, & O' Neil, 2007) Dalam modul linus sendiri banyak menggunakan perkataan bergambar dan ia boleh dilihat dan diulang di mana-mana kerana terbukti perkataan bergambar yang digunakan untuk modul LINUS banyak memberi kesan yang efektif untuk meningkatkan daya hafalan dan sekaligus lama kelamaan dapat menguasai literasi dengan baik.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Aimi Liyana, Hanis Maisarah, & Norfairros, (2016) mendapati ujian dalam saringan LINUS ini adalah indikator terhadap asas pengetahuan dan penguasaan bahasa inggeris dikalangan murid. Ini menunjukkan betapa penting pelaksanaan LINUS dan dapat menyumbang kepada pembangunan pendidikan di Malaysia dan mendapati laras bahasa yang digunakan dalam ujian saringan LINUS adalah bersesuaian dengan tahap murid dan ianya adalah mudah dan senang difahami. Menurut Aimi Liyana, Hanis Maisarah, & Nor Fairros, (2016) dalam kajiannya keatas guru dan pelajar tahun 1 di sekolah di Bangsar mendapati laras bahasa yang digunakan dalam ujian saringan LINUS adalah bersesuaian dengan tahap murid dan ianya adalah mudah dan senang difahami. Pelaksanaan Linus yang telah mula diperkenalkan juga mendapat sambutan yang baik dan pelajar yang mengikuti memahami akan ujian yang perlu mereka lalui pada tahap satu. Kajian yang dilakukan oleh Peng (2015) keatas 3 buah sekolah kebangsaan dan 2 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil mendapari pelajar mempunyai pengetahuan mengenai program LINUS di sekolah mereka. Guru juga menggunakan kaedah yang menyeronokkan dan dapat menarik minat pelajar dalam mengikuti program LINUS (Peng, 2015).

### **ISU, CABARAN DAN PENAMBAHBAIKAN**

Program LINUS 2.0 yang mula diperkenalkan pada tahun 2011 banyak memberi kesan yang mendalam ke atas dunia pendidikan di Malaysia. Ianya adalah usaha KPM dalam menangani masalah buta huruf yang masih lagi berada dalam statistik selepas sejak Merdeka hingga ke harini. Berbagai-bagi usaha dan langkah serta program yang diperkenalkan dan sentiasa di perbaharui semata-mata untuk menajdikan Malaysia sifar buta huruf. Hasil dari kaji selidik yang dijalankan oleh para penyelidik menunjukkan program LINUS dan LINUS 2.0 telah berjaya dan dapat mengurangkan jumlah pelajar buta huruf. Sungguhpun begitu, beberapa kelemahan dan kekurangan terhadap modul LINUS 2.0 perlu diperbaiki memandang usia program masih terlalu awal dan masa yang sesuai perlu di berikan dan KPM tidak seharusnya terlalu rakus untuk mendapatkan keputusan yang cepat dan cemerlang. Beberapa isu atau cabaran yang telah dikenalpasti dalam menjalankan program LINUS.

Kajian yang dilakukan oleh Aimi Liyana, Hanis Maisarah, & Nor Fairros, (2016) ke atas guru di sebuah sekolah di Bangsar mendapati guru LINUS mengakui bahawa mereka hadapi kesuntukan masa kerana bilangan pelajar yang ramai dan guru terpaksa membimbing pelajar terutamanya bagi pelajar yang tidak memahami langsung Bahasa Inggeris dan pada masa yang sama ujian saringan juga perlu dijalankan serentak. Bagi mengatasi masalah ini cadangan supaya guru LINUS perlu diberikan masa yang bersesuaian dan tiada tekanan dari mana-mana pihak bagi memastikan guru memahami program tersebut dan proses ujian saringan berjalan lancar ini adalah kerana semasa ujian saringan LINUS diadakan guru LINUS dibenarkan membimbing pelajar yang kurang faham semasa mereka menjawab soalan tidak seperti semasa peperiksaan-peperiksaan lain, maka masa yang panjang dan sesuai perlu di berikan. Masalah masa yang sering di perkatakan tidak lagi menjadi faktor kepada halangan dan cabaran dalam melaksanakan program tersebut.

Selain daripada itu isu yang sering di perkatakan adalah guru LINUS tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap program LINUS kerana terlalu banyak program dan kertas kerja sampingan yang dikehendaki oleh pihak sekolah dan KPM ini telah di utarakan sendiri oleh sebilangan guru yang di temubual di sekolah di Bangsar oleh Aimi Liyana, Hanis Maisarah, & Nor Fairros,(2016) dalam kajian persepsi guru terhdap LINUS. Cadangan supaya guru LINUS khususnya tidak diberikan bebanan tugas yang terlalu banyak dan berat memandangkan mereka ini terlibat secara langsung dalam program LINUS di samping tugas hakiki iaitu mengajar di dalam kelas arus perdana juga supaya dapat menumpukan perhatian yang lebih baik terhadap program. Perlu diketahui masa yang sesuai adalah sangat penting dalam menghasilkan sesuatu tugas supaya kesannya adalah cemerlang. LINUS telah banyak mengubah pembangunan pendidikan di peringkat awal dan mengurangkan statistik buta huruf dikalangan pelajar sekolah rendah di Malaysia. Namun begitu ibu bapa tidak seharusnya mengharapakan 100% daripada guru LINUS semata-mata, dan perlu

memberi tumpuan dan perhatian kepada anak di rumah disamping di ajar di sekolah bagi membolehkan anak mereka berjaya dalam ujian LINUS kelak. Menurut Aimi Liyana, Hanis Maisarah, & Nor Fairis, (2016) guru berpendapat linus dan menyumbang kepada masyarakat celik huruf dan meningkatkan sistem pendidikan negara bertaraf dunia, namun sokongan ibubapa amat perlu dalam menjayakan program ini. Ini adalah disebabkan oleh matapelajaran Bahasa Inggeris, KPM tidak menyediakan guru pemulihan bagi matapelajaran tersebut berbanding dengan matapelajaran Bahasa Melayu dan Matematik.

Dicadangkan supaya penambahbaikan perlu dilakukan supaya KPM meneliti semula permasalahan yang timbul kesan daripada ketiadaan guru pemulihan LINUS bagi matapelajaran Bahasa Inggeris. Guru pemulihan Bahasa Inggeris juga perlu disediakan sama seperti kesediaan guru pemulihan LINUS Bahasa Melayu dan Matematik supaya ianya menjadi ukuran yang standard dan dapat mencapai sasaran dan memberikan kesan baik terhadap masyarakat dan sistem pendidikan di Malaysia. Guru juga berpendapat bahawa program LINUS khususnya bagi matapelajaran Bahasa Inggeris, KPM tidak meneliti dengan terperinci modul yang disediakan untuk guru-guru. KPM hanya menggunakan 2 kemahiran yang ditekankan semasa ujian saringan LINUS Bahasa Inggeris iaitu kemahiran membaca dan menulis semata-mata, sedangkan menurut guru Bahasa Inggeris yang ditemubual oleh Tubah & Hamid, (2011), untuk mahir dalam matapelajaran ini 4 kemahiran asas perlu di ajar dan di latih iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Penambahbaikan ke dalam modul perlu diberi perhatian serius dengan memasukkan 2 kemahiran mendengar dan bertutur yang tidak di titikberatkan semasa ujian saringan LINUS diadakan sekarang ini.

Dapatan kajian yang dilakukan oleh Peng, (2015) juga mendapati guru LINUS kurang dalam kepakaran ilmu psikolinguistik (keupayaan mental dan bahasa) Guru yang dipilih tidak mempunyai kepakaran dan tidak dihantar untuk menjalani latihan yang sewajarnya bagi memperolehi ilmu psikolinguistik. Guru-guru LINUS perlu mempunyai kepakaran untuk menentukan kesediaan pelajar, serta jelas tentang bimbingan yang perlu disampaikan kepada pelajar LINUS. Selain itu, adalah penting bagi guru-guru LINUS untuk memperolehi kaedah psikolinguistik pengajaran yang menekankan keupayaan mental dan penguasaan bahasa. Kaedah pengajaran tersebut mempunyai kesan yang mendalam kepada kemahiran bacaan dan kefahaman murid-murid LINUS. KPM perlu membuat dasar supaya guru yang dilantik sebagai guru LINUS perlulah diberikan latihan dan kursus yang secukupnya terutama dalam bidang psikolinguistik supaya dapat memberikan kesan yang lebih baik untuk memberi kemahiran kepada pelajar menguasai kemahiran literasi dan numerasi.

## **KESIMPULAN**

Kemahiran literasi awal adalah penting bagi kanak-kanak kerana kemahiran ini boleh membantu meningkatkan prestasi pembelajaran kanak-kanak pada masa yang akan datang. Kanak-kanak yang ketinggalan dalam menguasai kemahiran literasi awal cenderung untuk berjuang dengan bacaan dan menulis. Akibatnya, kanak-kanak cenderung untuk menerima, kurang amalan dan minat terhadap membaca dan kurang terdedah kepada pengetahuan kandungan, perbendaharaan kata dan kemahiran bahasa yang lain daripada sifat kanak-kanak yang mendapat penguasaan literasi yang lebih awal sebelum mereka didaftarkan masuk ke alam persekolahan diperingkat rendah lagi.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil satu inisiatif untuk mengadakan satu program yang lebih baik dan berkesan supaya semua kanak-kanak di Malaysia mempunyai asas yang stabil dalam kemahiran literasi di peringkat awal iaitu Program LINUS. LINUS yang telah diperkenalkan sejak awal 2011 adalah masih agak baru dengan usia yang baru menjangkau 5 tahun, telah sedikit sebanyak menampakkan hasil yang memuaskan namun begitu masih ada terdapat kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan. Cadangan dan penambahbaikan terhadap kelemahan dan isu yang timbul di sepanjang program LINUS berlangsung diharap dapat diberi perhatian yang serius oleh KPM dan perlu dipertimbangkan untuk dimuat masuk kedalam modul-modul yang telah disediakan KPM agar program ini benar-benar memberi manfaat kepada anak bangsa dan juga dapat menyumbang kepada sistem pendidikan di Malaysia seiring dengan negara-negara maju yang lain.

## RUJUKAN

- Aimi Liyana, K., Hanis Maisarah, M., & Nor Fairos, H. (2016). Teachers' Perception On Literacy , Numeracy and Screening (LINUS 2.0) Assessment Features Based On Year 1 Students' Performance . *Research Journal of English Language and Literature (RJELAL)*, 4(1).
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *LINUS 2.0: Literasi Bahasa Inggeris (LBI). Teacher's Module:LINUS 2.0: Literasi Bahasa Inggeris (LBI).Book 3*. Petaling Jaya, Selangor:: Saryaz Holdings Sdn. Bhd.
- Calhoun, E., Poivier, T., Simon, N., & Mueller, L. (2001). Teacher (and District) Research: Three Inquires into the Picture Word Inductive Model. *Paper presented at The Annual Meeting of the AREA Seattle, Washington*. Retrieved from <http://ezproxy.upm.edu.my:3150/fulltext/ED456107.pdf>.
- Gerde, H., Bingham, G., & Wasik, B. (2012). Writing in Early Childhood Classrooms: Guidance for Best Practices. *Early Childhood Educ Journal*, 40(6). doi: 10.1007/s10643-012-0531-z.
- Gupta, R. (2013). More than ABC: Instructional Practices and Children's Understanding of Literacy Through English. *Contemporary Education Dialogue*, 10(1), 37-65. doi: 10.1177/0973184912465160.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012-2015). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>.
- Khairuddin, M. (2011). *Siri pendidikan guru literasi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Martin, K., Emfinger, K., Snyder, S., & O' Neil, M. (2007). Results for Year 2 of an Early Reading First Project. *Journal of Research in Childhood Education*, 22(2), 125-140. doi: 10.1080/02568540709594617.
- Modul Linus. (2011). *Ministry of Education. Malaysia*.
- Peng, C. (2015). Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5, (2) 1-11.
- Tubah, H., & Hamid, Z. (2011). The Influence of Demography on Reading and Comprehension Skills of LINUS Pupils. *Jurnal Melayu*, (6), 29-47, retrieved from [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/32456/3.pdf](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/32456/3.pdf).